

# UPACARA SERAH MENYERAH BENDERA TUDM



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3896-upacara-serah-menyerah-bendera-tudm](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3896-upacara-serah-menyerah-bendera-tudm)

BANTING, 14 Sep 18 – Pemangku Komander Rejimen TUDM, Lt Kol Meor Ahmad Kamal bin Hj Meor Termizi telah menyempurnakan upacara serah menyerah bendera TUDM kepada Pengurus Payung Terjun TUDM, Mej Abd Nasir bin Abd Majid TUDM. Ianya sempena Kejohanan Payung Terjun antara Perkhidmatan ATM 2018 yang akan diadakan pada 20 hingga 30 Sep 18 di Padang Kemunting, Kuantan Pahang.

Pertandingan ini akan dilangsungkan dalam 4 acara iaitu ketepatan payung sukan, ketepatan payung tentera, formasi di udara (FS) dan formasi payung di udara (CFS). Doakan kejayaan tim payung terjun TUDM untuk kali ke-6 dan keselamatan semasa pertadingan ini di jalankan.

